

## **SIDANG SG50+; Dua cabaran utama pemerintah masa depan**

***Nur Adilah Mahbob***

***Berita Harian***, 4 July 2015

PEMERINTAH masa depan Singapura terpaksa menangani dua cabaran utama bagi memastikan ia terus berjaya dalam landskap politik negara - jangkaan rakyat lebih tinggi dan berubah-ubah serta kesan teknologi dan media sosial terhadap mereka, kata Menteri Kanan Emeritus (ESM), Encik Goh Chok Tong.

"Taraf hidup rakyat Singapura berada pada paras tertingginya. Ramai antara kita memiliki rumah, menikmati khidmat jagaan kesihatan yang baik, mempunyai pekerjaan dan melancong dengan meluasnya. Anak kita pula mempunyai pendidikan yang baik dan prospek kerjaya yang cerah.

"Namun, ciri semula jadi manusia ialah, apa sahaja yang kita miliki bakal menjadi papan anjakan baru ke arah jangkaan lebih tinggi. Beginilah bagaimana masyarakat manusia maju," katanya.

Dalam hal ini, Singapura menghadapi bukan sahaja jangkaan rakyatnya yang lebih tinggi, "malah jangkaan yang berubah-ubah", tegasnya ketika berucap pada Sidang SG50+ anjuran **Institut Pengajian Dasar** (IPS) dan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura (NUS), di hotel Shangri-La, semalam.

Cabaran kedua adalah meluasnya Internet dan media sosial, katanya.

"Teknologi seperti ini meratakan gelanggang permainan dan mendemokrasikan maklumat di tangan rakyat. Mereka memainkan peranan penting dalam cara maklumat diproses dan digunakan," jelas Encik Goh.

Beliau, bagaimanapun, berkata sedang media sosial mampu mendekatkan pemimpin kepada rakyat dan berkongsi fikiran dengan mereka dengan lebih meluas, ia menambahkan satu lagi lapisan kerumitan kepada pemerintah.

"Contohnya, suara pemerintah tidak lagi sedominan dulu. Menjadi satu cabaran mendapatkan mesejnya didengar, dibaca atau dilihat," ujarnya.

Encik Goh juga menekankan pentingnya bagi Singapura mengekalkan pemerintahan yang baik dengan mendapatkan bakat terbaik bagi jawatan pemerintah dan keupayaan rakyat memilih parti yang mereka percaya dapat mentadbir secara terbaik dan tidak menganggap pilihan raya "seperti sarkas, lelong, pertandingan ratu cantik atau (permainan) tikam-tikam".

Namun, beliau menambah bahawa pengundi Singapura umumnya bijak dan rasional dalam memilih pemimpin.

Menurutnya lagi, pemimpin yang baik harus memiliki ciri seperti berintegriti, cekap, belas kasihan, berwawasan, yakin dan teguh, tidak mementingkan diri sendiri serta berupaya menyesuaikan diri.

ENCIK GOH CHOK TONG: Berucap pada Sidang SG50+ anjuran **Institut Pengajian Dasar** (IPS) dan Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura (NUS). - Foto fail